

SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

1 JANUARI 2026

TM. 02/2026

VM2026 DILANCAR: MALAYSIA SAMBUT MESRA PELAWAT DI SELURUH NEGARA

KOTA BHARU — Tourism Malaysia menyambut ketibaan tahun baharu dengan penganjuran sambutan khas di pintu masuk antarabangsa dan hab pengangkutan utama negara bagi mengalu-alukan ketibaan pelawat antarabangsa bersempena pelancaran rasmi kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 atau *Visit Malaysia 2026* (VM2026).

YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya hadir memeriahkan majlis sambutan yang berlangsung di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), salah satu lokasi utama bagi inisiatif pembukaan kempen ini. Sambutan serentak turut diadakan di 55 pintu masuk utama dan lokasi terpilih di kesemua 13 negeri di Malaysia.

Di Kelantan, acara sambutan berlangsung di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu serta dihadiri oleh YB Datuk Kamarudin Md Nor, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Kelantan. Dua lagi acara sambutan turut diadakan di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang dan Kompleks ICQS Pengkalan Kubor.

"*Visit Malaysia 2026* (VM2026) bukan sekadar sebuah kempen pelancongan, sebaliknya merupakan satu gerakan nasional yang mencerminkan semangat perpaduan, keharmonian, kemesraan serta kepelbagaian kaum dan budaya di negara kita. Sambutan ketibaan pelawat pada hari pertama tahun 2026 melambangkan komitmen Malaysia dalam menawarkan pengalaman pelancongan yang inklusif, kreatif dan mesra pengunjung sepanjang tahun," kata YB Dato Sri Tiong King Sing.

Penganjuran sambutan peringkat nasional ini direalisasikan menerusi kerjasama erat antara kerajaan negeri, syarikat penerbangan, pihak berkuasa lapangan terbang, penggiat industri pelancongan dan rakan strategik berkaitan. Sumbangan yang disalurkan merangkumi sokongan logistik, penyediaan lokasi serta penganjuran bersama rakan strategik dan penaja seperti BOH, D&D Beauty House Kuala Lumpur, DSR Taiko Berhad, Express Rail Link Sdn. Bhd. (ERL), Gamuda Land, Grab Malaysia, Guardian, JINS Health Group, Ladang Sari International, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), MAMEE, MITEC, Oriental Coffee, ParagonCorp MY, Photobook Charm, Seri Spa, Syarikat Permainan Malaysia Sdn. Bhd., Trans Eco-Farm dan lain-lain. Penajaan dalam bentuk baucar, produk makanan dan minuman, cenderamata serta diskaun pusat tarikan ini telah menambah nilai kepada pengalaman ketibaan pelawat sekali gus melambangkan kesiapsiagaan Malaysia dalam menyambut kunjungan pelawat dari seluruh dunia.

Bagi memeriahkan acara sambutan, ketibaan pelawat terawal di lokasi terpilih disambut dengan pelbagai persembahan kebudayaan Malaysia termasuk persembahan pemuzik jalanan dan persembahan kontemporari yang menampilkan elemen warisan negara di samping penampilan maskot rasmi VM2026, Wira dan Manja. Para pelawat turut menerima cenderamata bertemakan

maskot kempen VM2026 iaitu rantai kunci eksklusif sekali gus menjadikan percutian di Malaysia satu pengalaman unik dan sukar dilupakan.

Kalendar acara VM2026 turut diperkenalkan dengan menampilkan lebih 300 program dan acara sepanjang tahun merangkumi elemen seni dan budaya, warisan serta kepelbagaian kaum melalui sambutan dan tradisi perayaan di Malaysia. Antara acara utama yang diketengahkan ialah *VM2026 Chinese New Year Festival*, *VM2026 Aidilfitri Festival*, *VM2026 Deepavali Festival*, *VM2026 Christmas Fest* serta keunikan perayaan tradisi tempatan seperti Pesta Kaamatan (Tadau Kaamatan) dan Pesta Gawai.

Menerusi kempen VM2026, Malaysia menyasarkan untuk menarik 43 juta pelawat antarabangsa pada tahun 2026 selari dengan usaha berterusan bagi memperkembang sektor pelancongan sebagai salah satu pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara. Momentum positif ini diperkukuh menerusi prestasi ketibaan pelawat antarabangsa yang memberangsangkan dari Januari hingga November 2025 dengan merekodkan sejumlah 38.3 juta pelawat antarabangsa. Bertemakan *Surreal Experiences*, kempen VM2026 bakal menampilkan rangkaian program yang meriah sepanjang tahun merangkumi festival, acara kebudayaan, pameran dan sambutan komuniti yang direka khas bagi menarik pelawat dari seluruh dunia.

Memanfaatkan potensi Malaysia sebagai destinasi pelancongan unggul, VM2026 dijangka mampu meningkatkan ketibaan pelawat, menjana peluang pekerjaan serta memperkukuh imej negara di peringkat antarabangsa. Selain itu, kempen ini juga akan memberi manfaat kepada perkembangan ekonomi komuniti setempat di samping menyokong kemajuan pelbagai sektor berkaitan termasuk pengangkutan, peruncitan, kraftangan serta industri kecil dan sederhana (IKS).

-TAMAT-

Tourism Malaysia

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau Tourism Malaysia ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia. Tourism Malaysia giat memfokuskan kepada tugas khusus untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah muncul sebagai pemain utama dalam industri pelancongan antarabangsa.

Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026) menekankan komitmen Malaysia terhadap pembangunan pelancongan lestari selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDGs). Kempen ini bertujuan mengetengahkan kepelbagaian tarikan alam semula jadi, kekayaan warisan budaya serta tawaran pelancongan negara yang dinamik di samping memacu pertumbuhan inklusif bagi jangka masa panjang buat pemain industri serta komuniti setempat.

Untuk maklumat lanjut, layari laman web Tourism Malaysia di www.tourism.gov.my serta akaun media sosial rasmi di [Facebook](#), [Instagram](#), [X](#), [YouTube](#), dan [TikTok](#).



Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Zurina Abdul Samad
Timbalan Pengarah Kanan
Sekretariat Visit Malaysia 2026
zurina@tourism.gov.my
Tel: +603 8891 8702

Mohd Akbal Setia
Pengarah Kanan
Bahagian Pengiklanan & Digital
Ketua Sekretariat Visit Malaysia 2026
akbalsetia@tourism.gov.my
Tel: +603 8891 8000

Norshariza Mohd Saad
Timbalan Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
norshariza@tourism.gov.my
Tel: +603 8891 8775

